Proceedings Borneo International Islamic Conference; Vol. 16. 2025; 247-254
Published by Majmuah Enterprise
eISSN: 2948-5045

Amalan Pedagogi Guru Cemerlang Penerima Anugerah Kdymm di Negara Brunei Darussalam

DR.ISMAIL BIN ABAS
NURUL NADHILAH HJ AHAMAD
AMAL HAZIRAH HJ AMAT

Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti amalan pedagogi guru cemerlang Penerima Anugerah Guru Cemerlang dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Hari Guru tahun 2023 dan tahun 2024. Metodologi kajian menggunakan kajian kes, melibatkan tujuh orang guru penerima anugerah cemerlang (secara persampelan bertujuan) tahun 2023 dan 2024. Instrumen kajian menggunakan kaedah Pemerhatian (senarai semak) dan Soal Selidik model Slavin, mengukur empat aspek, iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, pemberian insentif dan pengurusan masa pengajaran. Analisis data menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) dipersembahkan dalam bentuk deskriptif. Dapatan kajian menunjukkan amalan guru dalam kajian ini menepati ciri-ciri guru berkesan menurut model pengajaran Slavin. Ini bermaksud, secara keseluruhannya kesemua guru-guru cemerlang dalam kajian ini melaksanakan pada tahap tinggi keempat-empat aspek dalam model Slavin . Mereka juga inovasi dalam meningkatkan pembelajaran ,motivasi pengajaran dan berkemahiran dalam menggunakan pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran yang berkualiti serta bersesuaian dengan tahap pelajar. Kajian ini mencadangkan perlunya program latihan perguruan latihan dalam pedagogi inovatif untuk meningkatkan motivasi dan prestasi guru. Dapatan kajian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada pihak berkepentingan dalam meningkatkan kualiti latihan perguruan dan amalan pengajaran di Negara Brunei Darussalam.

Kata kunci : *Guru cemerlang, Pedagogi, Pengajaran dan pembelajaran, Model Slavin, Negara Darussalam.*

Latar Belakang Kajian

Istilah guru cemerlang membawa maksud sama dengan istilah ‘ master teacher’ ‘expert teacher’ ‘competent teacher’ dan ‘effective teacher’. Guru yang dikatakan cemerlang adalah menguasai subjek-subjek yang akan diajarnya yang bererti menguasai konsep-konsep, teori-teori, prinsip-prinsip, fakta-fakta dan skema dalam ilmu yang diajar. Adalah menjadi satu perkara yang mengecewakan jika guru tidak faham isi kandungan yang perlu disampaikan atau menyampaikan fakta yang salah; yang membawa kesan pelajar akan mengingatinya selama-lamanya kerana kesilapan yang telah dibuat. (Hargreves, 2010; Wan Mohd Zahid Noordin 2013; Muhammad Sani bin Ibrahim 2016).

Guru bukan sahaja boleh menjalankan tugas menyampaikan ilmu dan mendidik, tetapi juga mestilah menjadi seorang yang mengasuh akhlak, ia harus mempunyai sifat-sifat mursyid iaitu bersih jiwa dan ikhlas dalam sebarang tugas yang dijalankan dan ia juga mestilah menjadi uswah-qudwah hasanah, iaitu menjadi contoh dan teladan yang baik. Segala sifat-sifat keperibadian guru yang diperlukan itu seharusnya bermula semasa guru menjalani kehidupan membentuk diri ke arah kecemerlangan profesionalise yang berterusan. (Saedah Siraj 2008; Siddiq Fadhil 2009; Wan Mohd Zahid Noordin 2013)

Pernyataan Masalah

Guru adalah factor yang amat penting dalam usaha mencapai kecemerlangan pendidikan. Kajian-kajian ilmiah menunjukkan ada kolerasi yang tinggi diantara pencapaian murid dengan peranan yang disumbangkan oleh guru. Ada guru yang mengajar dengan merujuk kepada buku teks seratus peratus dan tidak berupaya menjelaskan kandungan pengajaran secara menyakinkan pelajarnya, terdapat juga guru yang banyak memberikan input serta ilmu tanpa memberi ruang kepada pelajar untuk berfikir dan melibatkan secara aktif. Komunikasi satu hala yang dilaksanakan oleh guru tersebut tidak bersesuaian memandangkan pengetahuan serta pengalaman pelajar tidak dapat dikembangkan dengan baik kerana pelajar tidak berpeluang untuk berfikir secara kreatif. Pelajar merupakan pembina ilmu yang aktif. Oleh itu, penglibatan pelajar di dalam satu-satu pengajaran adalah penting bagi membantu penerapan nilai-nilai murni di dalam diri pelajar itu sendiri dan memastikan proses pengajaran berlangsung secara efektif. Pendidikan Guru dalam abad ke-21 menuntut transformasi dalam cara guru mengajar serta mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran. Guru sedang menghadapi Generasi Z atau Alfa yang bijak teknologi. Kaedah pengajaran guru juga perlu sesuai dan terkini yang akan memberi jalan mudah dan menyeronokan di dalam pengajaran sehingga boleh dan mudah difahami serta senang pula untuk diamal dan dihayati. (Stokes,D.B,1990; Muhammad Sani bin Ibrahim, 2016;

Schwab,Klaus, 2017) Seorang guru yang professional ialah seorang guru yang tahu cara menghasilkan kerja yang bermutu tinggi dalam bidangnya. Ini bererti guru yang professional tidak berasa orang lain perlu memberitahunya apa yang harus dilakukannya di dalam bidangnya. Seorang yang professional sentiasa terbuka untuk belajar tentang sebaik-baik cara bagi meningkatkan mutu amalannya. Dengan itu ia sentiasa berusaha untuk memperbaiki dirinya. (Biggs dan Moore, 1993; Muhammad Sani bin Ibrahim, 2016) Sehubungan itu kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzudin Waddaulah,Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah sempena Majlis Majlis Konvokesyen Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Kali Ke-Empat Tahun 2014 . 27hb Muharram 1436 bersamaan 20 November 2014 bertempat Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas Negara Brunei Darussalam: *Kita menyedari, persepsi terhadap guru pada masa ini, tidak terkecuali guru ugama, bukan lagi setakat memfokus kepada guru yang baik semata-mata, tetapi juga menghendaki supaya guru itu mampu untuk menyampaikan pengajaran dengan berkesan, dalam makna dari guru 'good teaching' kepada guru 'effective teaching'. Matlamat utama kita ialah melahirkan guru-guru ugama professional yang berupaya melahirkan syakhsiah-syakhsiah yang hebat. Diantara ciri-ciri yang hebat, ialah sifat salih, berpengetahuan luas dan mendalam, pandai merancang dan mengurus serta mempunyai watak-watak kepimpinan dan keguruan yang* Berdasarkan titah KDYMM bermaksud bahawa tumpuan kini bukan lagi kepada guru tetapi kepada hasil pengajaran guru dan kesan pengajaran guru terhadap para pelajarnya. Penekanan perlu dititkberatkan kepada interaksi antara guru dengan pelajar. Menurut Arends (1994), guru berkesan berupaya mewujudkan hubungan dengan pelajar di samping memupuk suasana penyayang bagi perkembangan pelajar. Guru perlu mampu menggarap segala ilmu bagi mendidik dan membentuk jatidiri pewaris masa hadapan. Guru perlu cuba sampai ke tahap guru unggul, bukan sekadar guru biasa-biasa seperti diperkatakan William Arthur Ward:

A mediore teacher tells (Guru yang biasa-biasa memberitahu),
A good teacher explains (Guru yang bagus menerangkan),
A superior teacher demontrates (Guru yang cemerlang menunjuk ajar),
A great teacher inspires (Guru yang unggul merangsang dan mendorong).

Dalam hal ini, pelbagai usaha dilakukan di negara Brunei Darussalam untuk meningkatkan profesion perguruan. Hari Guru di Negara Brunei Darussalam di sambut dengan penganugerahan guru cemerlang dalam perkhidmatan untuk memberi motivasi kepada semua guru supaya mengajar dan mendidik secara berkesan dan menyedarkan guru-guru khasnya dan masyarakat amnya tentang peranan mereka dalam menjayakan wawasan negara Brunei 2035. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti amalan pedagogi penerima anugerah Guru Cemerlang dari Kebawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah sempena Hari Guru tahun 2023 dan tahun 2024.

Objektif Kajian

1. Mengenal pasti tahap persiapan guru cemerlang dalam meningkatkan keberkesanan pembelajaran
2. Menerokai sejauh mana guru cemerlang melaksanakan pengajaran berdasarkan kesesuaian aras kebolehan pelajar
3. Menganalisis kepelbagaian intensif yang dilaksanakan oleh guru cemerlang terhadap pelajar.
4. Mengenal pasti tahap kecekapan guru cemerlang dalam menguruskan masa dalam sesi pengajaran lebih berkesan

Kajian Literatur

Pada awal tahun 1980-an terdapat perubahan persepsi arus perubahan daripada melihat guru yang baik dan pengajaran yang baik kepada guru berkesan atau pengajaran berkesan. Dalam erti kata lain pemindahan daripada *good teaching* kepada *effective teaching.*Pengajaran Guru dalam abad ke-21 menuntut transformasi dalam cara guru mengajar serta mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran bagi menghadapi Generasi Z atau Alfa yang baharu dan bijak teknologi. Charles B.Klasek (1999), menyatakan bahawa pengajaran guru boleh dianggap teratur sekiranya mereka dapat menggabungkan pengajarannya dengan bahan bantu mengajar. Pengajaran guru akan menjadi lebih berkesan dan berjaya meruntun fikiran pelajar terhadap pelajaran mereka. Pendapat ini menyokong satu kajian ilmiah bahawa pembelajaran pelajar melalui penglihatan adalah sebanyak 70% dan melalui pendengaran sebanyak 30% sahaja. Kesannya dari pemerhatian guru bertambahnya minat pelajar apabila guru mengaplikasikan pendekatan ini semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Menurut Rio (2000) kebanyakkan penyelidikan yang telah dilaksanakan untuk mengkaji penggunaan media mendapati teknologi yang digunakan (papan tulis elektronik) telah berjaya mengatasi masalah yang berkait dengan pemisahan di antara guru dengan pelajar. Beberapa kajian juga telah melaporkan paras dan jenis interaksi yang berlaku di antara guru dan sistem media elektronik yang digunakan menunjukkan peningkatan dalam pembelajaran pelajar.

Setiap pelajar mempunyai kapasiti intelektual dan corak pembelajaran yang berbeza. Oleh itu, para pengajar perlu mengembangkan dan menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran yang berkesan supaya pelajar mendapat pemahaman yang lebih jelas dalam sesuatu pengajaran. Masalah yang dihadapi dalam pengajaran ialah tidak semua pengetahuan dan kemahiran yang diajar difahami dan dikuasai oleh pelajar. Terdapat perbezaan di mana terdapat isi kandungan yang mudah difahami. Menurut Slavin (1994) pengajaran dari guru cemerlang berjaya memahami dan mempelbagaikan kaedah pengajarn dari pelbagai jenis pelajar yang berbeza dari segi latarbelakang yang wujud kerana mendalami adanya pelbagai kumpulan status sosio ekonomi ibubapa, aras kecerdasan intelek, aras kecerdasan emosi, stail kognitif, jantina, gaya belajar dan tabii belajar. Sulman (1986), Borko dan Livingston (1989) bersetuju bahawa guru-guru cemerlang perlu ada pengetahuan kandungan dan pengetahuan tentang perkara subjek yang diajar, pengetahuan pedagogical kandungan dan pengetahuan tentang kurikulum. Biggs dan Moore (1993) berpendapat guru-guru cemerlang menunjukkan bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang mendalam beserta dengan skema yang terperinci di mana ianya dapat digunakan untuk mengendalikan situasi-situasi yang berlaku. Pemikiran dan perancangan guru-guru cemerlang biasanya adalah untuk jangka panjang dan berbentuk abstrak. Sehubungan itu juga titah kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzudin Waddaulah,Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena **Hari Keputeraan Yang Ke 71 pada hari Sabtu 21HB. Syawal 1438** bersamaan 15hb Julai 2017:

Pendidikan tidak boleh layu atau lemah, tetapi untuk selamanya, ia perlu segar dan cemerlang. Namun kecemerlangan itu di sini, masih saja tertakluk kepada kemampuan kita mengadakan pendidikan seimbang, ukhrawi dan duniawi. Lebih-lebih lagi sekarang, dunia sudah terbuka luas kepada budaya 'bercampur-campur', budaya baik dan budaya buruk, di mana pendidikan ukhrawi sahaja yang mampu untuk membezakan antara dua budaya ini untuk kita membuat pilihan. Kerana itu pendidikan Islam sangatlah perlu untuk lebih mantap dan menyerlah.

Titah KBDYMM menjelaskan tentang guru cemerlang itu seharusnya mempunyai kesepaduan dalam ilmu dunia dan ilmu akhirat untuk mengukuhkan pendidikan di negara Brunei Darussalam. Guru seharusnya menjadikan ilmu dunia dan ilmu akhirat itu satu jambatan bagi anak didiknya sebagai hamba dan khalifah di muka bumi ini dengan menerapkan Akidah supaya anak didiknya menjadi insan bertakwa dan berpandukan konsep falsafah Melayu Islam Beraja. Jika aspek ini tidak diambil kira sudah tentu matlamat pendidikan seperti yang disarankan oleh MIB, Negara Zikir dan falsafah pendidikan tidak akan tercapai. Kesannya, dualisme pendidikan akan terus wujud dengan kedua-dua sistem sekolah kebangsaan dan sekolah ugama tidak berkesan membentuk sekolah yang berkesan dari semua segi, maka nilai-nilai seperti sekularisme, kebendaan dan persaingan hebat akan terus bermahajalela. (Muhammad Hadi bin Md Malayong, 2014; Abdur Rahman al-Dhayan,1998; Ismail bin Abas, 2024). Dalam kajian Slavin (1994) terdapat empat faktor yang mempengaruhi pengajaran yang berkesan, iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaraninsentif dan masa:

i. Kualiti pengajaran

Kebolehan guru untuk menyampaikan pengajaran atau kemahiran yang mudah difahami oleh pelajar, mudah diingat dan menyeronokkkan. Guru perlu menyampaikan isi pengajaran secara tersusun dan sistematik; menggunakan bahasa yang jelas dan mudah, penerangan yang jelas, dan memberi contoh-contoh yang berkaitan; penekanan kepada isi-isi penting; dan isi kandungan itu dikaitkan pula dengan pengetahuan dan pengalaman pelajar yang lalu yang sedia ada;serta menggunakan alat bantu mengajar (ABM) bagi membantu menerangkan sesuatu konsep. Manakala objektif pelajaran hendaklah jelas dan khusus, isi kandungan adalah mencukupi dan pada akhir sesuatu pelajaran, guru perlu mengadakan penilaian.

ii. **Kesesuaian aras pengajaran**

Pengajaran mestilah disesuaikan dengan kebolehan dan keupayaan pelajar. Jika aras pengajaran guru tinggi, pelajar yang lemah tidak dapat mengikutinya, menyebabkan mereka akan ketinggalan dalam pengajarannya. Jika aras pengajaran itu rendah, pelajar yang cerdik pula tidak akan memberikan tumpuan terhadap pengajaran guru. Ini akan merugikan pelajar yang cerdik, kerana guru terpaksa menumpukan lebih masa kepada pelajar yang lemah. Satu cara pengajaran pembelajaran yang berkesan ialah melalui pembelajaran secara koperatif yang mengumpulkan pelajar yang lemah dengan pelajar yang cerdik di mana pelajar yang cerdik akan membimbing pelajar yang lemah dalam kumpulannya. Dengan itu, guru akan dapat mengawal kelas dan memberi tumpuan sepenuhnya kepada pengajaran.

iii. Insentif

Kesediaan guru untuk memberi motivasi kepada pelajar untuk terus belajar dan menyiapkan tugasan yang diberi oleh guru. Terdapat dua cara untuk guru memberi motivasi. Pertama, guru perlu menyediakan pengajaran yang boleh

menarik minat dan menyeronokkan pelajar dengan mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pelbagai alat bantu mengajar. Cara kedua, guru boleh memberi insentif kepada pelajar dengan cara memberi pujian atau ganjaran kepada pelajar yang dapat menguasai sesuatu kemahiran.

iv. **Masa**


Penggunaan masa yang mencukupi untuk pelajar mempelajari sesuatu kemahiran. masa menyiapkan tugasan (*time-on-task*) atau engaged time atau masa yang guru gunakan untuk mengajar dan masa yang pelajar gunakan untuk belajar bagi mendapatkan ilmu pengetahuan atau kemahiran. Penggunaan masa yang betul dapat memastikan sukatan pelajaran dapat dihabiskan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan Rumusannya bahawa seorang guru berkesan adalah guru yang (a) berpengetahuan tinggi tentang bidang yang diajar, (b) berpengetahuan tentang pelbagai kaedah pengajaran, (c) berkemahiran dalam pengurusan kelas, (d) berupaya membentuk pelajar sebagai individu yang berilmu dan berhemah tinggi, dan (e) berusaha untuk meningkatkan kemahiran pengajaran atau *teaching skill* serta peka kepada perkembangan teknologi dan pendidikan semasa.

Metodologi Kajian


Metodologi kajian ini menggunakan kajian kes, melibatkan tujuh orang guru penerima anugerah cemerlang (secara persampelan bertujuan) tahun 2023 dan 2024. Instrumen kajian menggunakan kaedah Pemerhatian (senarai semak) dan Soal Selidik model Slavin yang mengukur empat aspek iaitu kualiti pengajaran, kesesuaian aras pengajaran, pemberian insentif dan pengurusan masa pengajaran. Analisis data menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) dipersembahkan dalam bentuk deskriptif. Dapatan kajian akan dibincangkan berdasarkan empat objektif kajian iaitu pelaksanaan perancangan, kesesuaian aras kebolehan pelajar, inisiatif guru serta kecekapan guru dalam pengurusan masa.

Dapatan Kajian


Dapatan kajian objektif pertama menunjukkan bahawa *Aspek perancangan*: perancangan pengajaran guru peratus tertinggi merujuk kepada skim soalan peperiksaan (85.7%) dan (14.3%) merujuk kitab-kitab. *Arahan sebelum pengajaran* (bersedia membaca, 85.7% dan menulis apa yang dibaca, 14.3%), *Aktif semasa mengajar* (aktif melibatkan pelajar dalam aktiviti, 85.7% dan menggalakkan perbincangan, 14.3%),




Rajah 1 di atas menunjukkan bahawa aspek penggunaan kaedah mengajar (perbincangan, projek dan halaqah, 57.1% dan kaedah syarahan, tasmik, tikrar dan tadarus, 42.9%), penggunaan BBM (powerpoint/canva, youtube, projektor, kertas latihan dan papan putih, 71.4% dan kitab-kitab, 28.6%).




Rajah 2 di atas menunjukkan bahawa aspek penggunaan kaedah abad-21 tertinggi (Think-Pair-Share, 71.4% dan Value lines, 28.6%) dan



Rajah 3 di atas menunjukkan bahawa *aspek aras kebolehan pelajar* tertinggi (menyusun isi pelajaran, 37.5% dan memberi soalan berbeza serta menyesuaikan cara pengajaran, 12.5%)



Rajah 4 di atas aspek inisiatif: *Pelajar siap awal*: memberi maklum balas, 60% dan membantu secara perseorangan serta memberi motivasi, 85.7%. *Pelajar kurang minat*: mengubah corak pengajaran, memberi bimbingan, mengadakan latihan dan membuat penilaian, 23.5%



Rajah 5 menunjukkan *aspek pengurusan masa* iaitu 88.8% guru cemerlang dapat melaksanakan tugas tanpa menunggu arahan dan 11.1% guru mempelbagaikan kaedah mengajar untuk menggunakan masa sepenuhnya yang diperuntukan untuk mengajar. Rumusannya konsep pengajaran-pembelajaran yang berkesan bermakna pengajaran guru itu dianggap baik jika beliau berupaya mempelbagaikan kaedah pengajaran sesuai dengan tuntutan zaman dalam kepelbagaian pelajar, menyediakan alat bantu mengajar (ABM), dan mendalami isi kandungan yang hendak diajar.

Perbincangan

Guru merupakan ejen kepada keberkesanan pendidikan. Walau sebaik manapun sesuatu sistem pendidikan, maksud yang ingin disampaikan tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya ejen yang menyampaikan tidak efektif. Kejayaaan dan keberkesanan pendidikan adalah berhubung rapat dengan kesedaran para guru terhadap tanggungjawab, kelengkapan ilmu dan keluhuran peribadinya. Kesepaduan antara kemahiran keilmuan dengan keluhuran peribadi merupakan kriteria peribadi pendidik yang tidak boleh dipisahkan, sebaliknya boleh dijadikan contoh yang berkesan. Dalam menyampaikan pengajaran, seseorang guru memerlukan persediaan yang rapi sebelum memulakan sebarang tugas bagi memastikan setiap produktiviti atau hasil yang diperolehi adalah berkualiti dan dapat menepati objektif dan sasaran yang telah ditetapkan.Persiapan yang rapi dapat memastikan kejayaan proses pengajaran yang lancar. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian ini dan yang disarankan oleh Sulman, (1986); Borko dan Livingston (1989) dan Charles B.Klasek (1999). Dalam proses pengajaran dan pembelajaran pula, guru yang cemerlang mengetahui dan memahami bahawa terdapat pelbagai jenis pelajar yang berbeza dari aras kecerdasan intelek dan kecerdasan emosi, kebolehan pelajar menerima pelajaran, stail kognitif, gaya belajar untuk terus mendorong pelajar belajar bagi mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik, di mana dapatan kajian ini turut memperlihatkan kecemerlangan ketujuh orang guru dalam aspek tersebut dalam memberikan pengajaran yang berkesan dan menyokong dapatan kajian Stokes,D.B. (1990); Borich, G.D. (2004); Siti Norliyana Izyan binti Haji Ali Osman .(2024). Strategi berpusatkan kepada murid bersesuaian dengan era globalisasi yang menuntut perubahan dalam terhadap kebolehan pelajar zaman sekarang bagi memastikan objektif dan matlamat wawasan Brunei 2035 dapat dicapai bagi membentuk insan yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara bertepatan dengan Falsafah Melayu Islam Beraja seperti titah KDYMM **pada 21HB. Syawal 1438** bersamaan 15hb Julai 2017 perlu dijadikan panduan dan yang dibincangkan oleh Lewis, Harry (2006); Muhammad Naquib al-Attas, (1999); Pengiran Baharom bin Pengiran Haji Bahar. (2012). Muhammad Hadi bin Md Malayong (2014).

Kejayaan seseorang guru untuk mengekalkan tahap motivasi pelajar untuk terus mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran samada di dalam bilik darjah mahupun di luar bilik darjah dengan pelbagai cara akan menyumbang kepada kejayaan murid itu pada masa akan datang. Jika suasana pengajaran guru tidak menarik, proses pembelajaran murid akan terjejas, murid-murid akan malas dan tidak mengikuti pengajaran guru dengan baik. Oleh itu, tugas guru cemerlang dalam kajian ini berada dalam tahap cemerlang dan bersesuaian dengan ciri-ciri guru cemerlang yang di sarankan oleh Hargreves.(2010). Siddiq bin Fadzil.(2009). Borich, G.D. (2004).

Kesimpulan

Bahawa guru cemerlang adalah seorang yang mempunyai pengetahuan dalam bidang (*content knowledge*), pandai merancang, pandai mengurus pengajaran dan kelas (*teaching and class management*), memantau, menilai dan bertanggungjawab (*moniting, assessing and accountability*). Oleh itu untuk mencapai tahap kualiti tertinggi, guru-guru hendaklah menjadikan diri mereka lebih daripada pakar pedagogi (Siddiq bin Fadzil, 2009: Day,2000).

RUJUKAN

Abdul Salam Muhammad Shukri. (2003). *Panduan Mengajar Akidah kepada kanak-kanak.* Penerbit: PTS

Abd.Rahim Abd.Rashid.(1999). *Kemahiran berfikir merentas kurikulum*.Kuala Lumpur: Penerbit Fajar.

Alexander, Anne. (2012). *Digital Generation*. Critical Muslim. Jilid 1.London: Hurst.

Awang Dr Ustaz Haji Abdul Aziz bin Juned. (2017). *Raja Melakar Sejarah*. Jabatan Mufti. Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri.

Biggs dan Moore (1993). *Effective School*. London: Routledge

Borich, G.D. (2004). *Effective Teaching Methods*. Edisi ke-5. Upper Saddle River, NJ: Merrill/ Prentice Hall.Hargreves.(2010). *The New Meaning of Educational Change*. Fifth Edition.

Miskawayh. (t.t).*Tahzib Akhlak*. Kaherah: Thariq At-Taalum.

Muhammad Hadi bin Md Malayong. (2014). *Melayu Islam Beraja: Asas Perpaduan Hidup Bermasyarakat dan Bernegara di Brunei Darussalam.* Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan. 7(1), 55 – 63.

Muhammad Naquib al-Attas. 1999. *The Concept of Education in Islam*. Edisi ke 3.Kuala Lumpur: Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC).

Muhammad Sani bin Ibrahim (2016). Guru Berkesan. Dlm *Prosiding Seminar Pendidikan Guru* . Fakulti Pendidikan UKM.

Ismail bin Abas (2025).Pendidikan Era Revolusi Industri 4.0: Cabaran Falsafah Pengajian Tinggi Negara Brunei Darussalam**.** *Seminar 8th International Conference On Human Sustainability* (8TH INSAN) *25st – 26 rd September 2024.* Anjuran : Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan Jabatan Mufti Kerajaan Negeri, Negeri Sembilan Darul Khusus, Malaysia.

Lewis,Harry .(2006). *Excellence without a Soul: How a great university forgot education*. New York: Public Affairs.

Leonhard, Gerd.(2016). *Techonology vs. Humanity: The Coming Clash between Man and Machine.* London: Fast Future Publising

Louay Safi. (1996). *The Foundation of Knowledge-A Comparative Study of Islamic and Wastern Methods of Inquiry*, Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan: International Islamic University Malaysia Press and International Institut of Islamic Thought.

Saedah Siraj .(2008). *Kurikulum Masa Depan*.Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya

Schwab,Klaus.(2017). *The Fouth Industrial Revolution.* London: Currency

Siddiq bin Fadzil.(2009). Krisis Pendidikan Masa Kini: Cabaran Membina Generasi Berjiwa Merdeka. *Dalam Kertas Kerja Kongres Pertama Rejuvenasi Sistem Pendidikan Islam Negara* 11 Julai 2009.Anjuran: Gabungan Mahasiswa Islam Se-Malaysia (GAMIS)

Siti Norliyana Izyan binti Haji Ali Osman .(2024). Model Pembelajaran Inkuiri Dalam Pelajaran Tauhid Di Sekolah-Sekolah Menengah Negara Brunei Darussalam. *Tesis Sarjana Perguruan Ugama*, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brune Darussalam.

Stokes,D.B. (1990). *Cooperative vs. traditional approaches to teaching mathmematics in the third grade.* Unpublished doktorol dissertation,University of Southern Missisippi.

Sulman (1986). Borko dan Livingston (1989). *Expert Teaching* .New York: McGraw-Hill Companies,Inc.

Pengiran Baharom bin Pengiran Haji Bahar. (2012). *Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir.* Dalam Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir. KUPU SB.

Al-Razi (1968) K*itab al-Nafs wa al Ruh.* Islamabad: Ma'sumi.